



# NEWS CLIPPINGS



Headline : Deleum terima tawaran langgan saham NSE  
Media : Utusan Malaysia / Ekonomi  
Day/Date : 7 January 2013  
Page : 17  
Links :

## Deleum accept offer subscribe stock NSE

### **Deleum terima tawaran langgan saham NSE**

KUALA LUMPUR 6 Jan. - Deleum Bhd. menerima tawaran untuk melanggan 55 peratus saham baharu dalam NSE Resources Corp. (M) Sdn. Bhd. bagi tidak lebih daripada RM23.1 juta.

Menurut Deleum, pengumuman berikutnya akan dibuat selaras dengan syarat-syarat penyenaraian pasaran utama Bursa Malaysia Sekuriti selepas semua terma dan syarat dimuktamadkan.

“Satu perjanjian langganan muktamad bagi saham itu akan dilaksanakan,” kata syarikat tersebut dalam kenyataan kepada Bursa Malaysia.

Cadangan langganan itu akan menyediakan pintu masuk bagi Deleum Group untuk menerokai industri tenaga boleh diperbaharui.

“Dipercayai cadangan langganan itu akan disinergikan dengan perniagaan penjanaan kuasa perindustrian sedia ada dan menyediakan arus pendapatan tambahan bagi kumpulan,” kata syarikat itu. - BERNAMA